



RASUAH

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

MAJLIS PERBANDARAN KLANG
T A H U N 2 0 2 1 - 2 0 2 3

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	2
---	----------

KATA-KATA ALUAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLANG	3
---	----------

PROFIL MAJLIS PERBANDARAN KLANG

➤ Pengenalan dan Latar Belakang MP Klang	4
➤ Visi dan Misi	5
➤ Nilai-Nilai Bersama	6
➤ Carta Organisasi Majlis Perbandaran Klang	7
➤ Fungsi dan Peranan Majlis Perbandaran Klang	8

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

1.0 APAKAH PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH?	9
2.0 PEMBANGUNAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN KLANG	9
3.0 PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)	10
4.0 DEFINISI RASUAH	10
5.0 PUNCA-PUNCA BERLAKU RASUAH	11
6.0 KESAN-KESAN BERLAKU RASUAH	12
7.0 PROSES PENGURUSAN RISIKO RASUAH	12
8.0 ALAT PENGUKURAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH	13
8.1 JADUAL PARAMETER IMPAK RISIKO	13
8.2 JADUAL PARAMETER KEBARANGKALIAN	15
8.3 JADUAL MATRIK TAHAP RISIKO	16
8.4 TERM RUJUKAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH	16
9.0 PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN KLANG	17
9.1 TAHAP RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN KLANG	17
9.1.1 RINGKASAN TAHAP RISIKO RASUAH	17
9.1.2 RINGKASAN TAHAP RISIKO RASUAH MENGIKUT ISU KEUTAMAAN JABATAN	18
9.2 INVENTORI RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN KLANG	19
9.3 PELAN TINDAKAN RISIKO RASUAH	24
9.4 PEMANTAUAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH	54

PERUTUSAN YB SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI SELANGOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Majlis Perbandaran Klang yang berjaya menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Majlis Perbandaran Klang bagi tahun 2021 - 2023.

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) merupakan salah satu wadah yang digunakan untuk mengenalpasti risiko-risiko rasuah serta mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai-nilai integriti selaras dengan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP). Selain itu, Pelan ini juga dapat membantu organisasi dalam mewujudkan tadbir urus yang baik bagi menangani risiko-risiko salahguna kuasa dan penyelewengan.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih di atas komitmen dan usaha-usaha berterusan daripada semua warga kerja Majlis Perbandaran Klang dalam penghasilan Pelan ini. Semoga segala usaha murni ini dapat memacu dan meningkatkan imej Majlis Perbandaran Klang sebagai sebuah agensi yang berdaya saing dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Wabillahaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



DATO' HAJI HARIS BIN KASIM D.P.M.S., S.I.S., A.S.A., P.P.T
Setiausaha,
Kerajaan Negeri Selangor

KATA-KATA ALUAN YANG DIPERTUA **MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Kerajaan sentiasa menekankan pembudayaan integriti dan tadbir urus baik di kalangan penjawat awam di negara ini. Integriti merupakan salah satu dari teras utama dalam pembentukan tingkah laku yang betul dan jelas dalam kalangan warganya. Pelbagai usaha giat dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menyemai penghayatan dan pengukuhan kepada konsep integriti menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar organisasi di peringkat global mahupun nasional di dalam atau di luar negara.

Menyedari kepentingan serta usaha pencegahan rasuah, Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau Corruption Risk Management (CRM) yang digubal dan diterbitkan bertujuan untuk membudayakan dan memperkukuhkan integriti warga kerja Majlis Perbandaran Klang di bawahnya melalui pelaksanaan tindakan-tindakan preventif dan proaktif seperti mana yang digariskan di bawah pelan tersebut. Pelan CRM merupakan satu alat pengurusan yang efektif dalam menangani isu-isu rasuah dan mewujudkan sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

Dalam hal ini, usaha dan komitmen daripada semua warga kerja Majlis Perbandaran Klang di peringkat pengurusan atasan hingga peringkat bawah adalah penting dan perlu digerakkan secara bersepadu dan terselaras dalam usaha membanteras terus isu-isu risiko rasuah daripada berlaku di MPK.

Justeru, dengan adanya Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Majlis Perbandaran Klang (MPK), saya menyeru agar penghayatan terhadap nilai integriti akan dapat terus dipupuk di peringkat organisasi dan warga kerja Majlis khususnya. Dalam masa yang sama, aspek tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis dapat ditambahbaik.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jabatan lebih-lebih lagi kepada Unit Integriti atas komitmen serta usaha yang tinggi dalam menyediakan Pelan ini. Tidak lupa juga saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor yang turut membantu di dalam penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah ini.

Semoga segala yang kita usahakan pada hari ini akan membentuk warga kerja MPK yang teguh dan berintegriti pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN A.M.P., P.C.M

Yang DiPertua,

Majlis Perbandaran Klang



PENGENALAN & LATAR BELAKANG

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Penguasa Tempatan Klang telah ditubuhkan pada bulan Mei 1890 yang ketika itu dikenali sebagai Lembaga Kesihatan Klang untuk mentadbirkan Bandar Klang. Sempadan rasmi telah ditetapkan pada tahun 1895 manakala pada tahun 1926 kawasannya telah digabungkan dengan Port Settenham dan pada bulan Disember 1945 telah diubah menjadi Lembaga Bandaran Klang.



Perubahan dalam pentadbiran seterusnya berlaku apabila terbentuknya Majlis Bandaran Klang pada tahun 1954. Dengan sistem pentadbiran ini Klang membangun dengan pesatnya sehingga pada tahun 1971 apabila Pelabuhan Klang, Kapar dan Meru telah dirangkumkan menjadi Majlis Daerah Klang.

Dengan berkuatkuasanya Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan penyusunan semua penguasa tempatan, Majlis Daerah Klang telah dinaikan ke taraf yang ada sekarang iaitu Majlis Perbandaran Klang.

VISI & MISI

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

VISI

**Klang Sebagai
Sebuah Perbandaran Bertaraf
Antarabangsa / Dunia**

Yang Lestari Dengan Perancangan
Secara Holistik

MISI

**Merancang, Mengawal
Pembangunan Dan Memberikan
Perkhidmatan Yang Berkualiti Tinggi**


Melalui Mekanisme Tadbir Urus Yang Berdaya
Maju Untuk Masyarakat Klang Yang Harmoni

NILAI-NILAI BERSAMA



CARTA ORGANISASI

MAJLIS PERBANDARAN KLANG



FUNGSI DAN PERANAN

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

FUNGSI

**Memberi Perkhidmatan Perbandaran
kepada seluruh masyarakat**

di kawasan pentadbiran

Majlis Perbandaran Klang

PERANAN



Memaju, menggalakan dan mengawal pembangunan perbandaran



Memaju, menggalakan dan menyelaras segala aktiviti ekonomi dan peniagaan



Memperkasa pengurusan hasil



Menyediakan dan menyelenggara infrastruktur dan kemudahan awam



Menguruskan alam sekitar, kebersihan dan kesihatan



Memantapkan pembangunan belia dan kemasyarakatan

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

1.0

APAKAH PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH?

- Satu alat pengurusan (Management tool) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

2.0

PEMBANGUNAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN KLANG

1. Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Peringkat Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan bahawa setiap agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor perlu melaksanakan pendekatan kaedah Penilaian dan Pengurusan Risiko Rasuah atau Corruption Risk Management (CRM).
2. Pembangunan draf Pelan CRM MPKlang telah dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi satu (1) siri bengkel dan perbincangan :
 - Taklimat SPRM bersama Ketua Jabatan
 - i. 28 April 2021
 - Perbincangan bersama Pegawai SPRM di Pejabat SPRM Selangor.
 - i. 4 Ogos 2021
 - ii. 30 Ogos 2021
 - iii. 10 September 2021
 - iv. 4 Oktober 2021
 - Perbincangan pemurnian bersama pengurusan atasan dengan pegawai SPRM di Majlis Perbandaran Klang:
 - i. 8 Oktober 2021

3.0

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

- Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) merupakan satu langkah terancang ke arah memperkukuhkan tadbir urus di Majlis Perbandaran Klang dengan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti, bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah, penyelewengan, salahguna kuasa dan tuntutan palsu di Majlis Perbandaran Klang.
- Pelan Pengurusan Risiko Rasuah yang berkesan seperti berikut:
 - a) Pelan pengurusan risiko rasuah dilaksanakan sepenuhnya.
 - b) Berlaku pemurnian / tiada aduan berkaitan pelaksanaan aktiviti / proses berkaitan.
 - c) Tiada teguran dalam laporan audit berkaitan ketidakpatuhan.
 - d) Meningkatkan kepercayaan kakitangan dan kepuasan pelanggan.
 - e) Tahap kebarangkalian risiko rasuah menurun.

4.0

DEFINISI RASUAH

- Berdasarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), “rasuah” ditakrifkan sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, penjawatan, upah dan diskaun. Merujuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [Akta SPRM 2009] [Akta 694], terdapat empat (4) kesalahan rasuah yang utama iaitu:

[a]
**Meminta
atau
menerima rasuah**

[b]
**Menawarkan
atau
memberi suapan**

[c]
**Mengemukakan
tuntutan palsu**

[d]
**Menggunakan
jawatan /
kedudukan untuk
suapan pegawai
badan awam**

5.0

PUNCA-PUNCA BERLAKU RASUAH

- Antara faktor asas berlakunya rasuah ialah lemah kawalan dalaman diri (integriti) iaitu sifat tamak seseorang individu dan juga kerana wujudnya peluang untuk melakukan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Punca wujudnya peluang untuk berlakunya rasuah adalah kerana kelemahan kawalan dalaman organisasi, kelemahan kepimpinan dan penyeliaan, amalan tradisi sesebuah organisasi dan ketidakpatuhan kepada peraturan. Selain daripada faktor dalaman, faktor luaran juga boleh menjadi punca berlakunya rasuah. Antaranya ialah:

[a]
Faktor
EKONOMI

[b]
Faktor
**SOSIAL
& BUDAYA**

[c]
Faktor
POLITIK

[d]
Faktor
PENDIDIKAN




6.0

KESAN-KESAN BERLAKU RASUAH

- Kelemahan kawalan dalaman organisasi menimbulkan kesan yang tidak baik kepada organisasi seperti berikut:
 - a) Rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan;
 - b) Pembaziran pengguna masa;
 - c) Peningkatan aduan;
 - d) Kelewatan menyiapkan tugas;
 - e) Pembaziran sumber kewangan;
 - f) Kurang kualiti dan produktiviti; dan
 - g) Menjejaskan imej jabatan.

7.0

PROSES PENGURUSAN RISIKO RASUAH



8.0

ALAT PENGUKURAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

8.1 JADUAL PARAMETER IMPAK RISIKO

PENARAFAN RISIKO - IMPAK (1)

FAKTOR	AKIBAT				
	TIDAK BERKESAN	KECIL	SEDERHANA	BESAR	MEMUSNAHKAN
CONTOH PENGUKURAN RISIKO					
Imej / Reputasi	Tidak dibuktikan, impak rendah, tidak ada berita. Perhatian cepat terkandung, pemulihan jangka pendek	Impak yang rendah, profil berita rendah	Perlu diganti, malu pada orang ramai, profil berita tempatan yang sederhana. Meningkatkan implikasi pelanggan	Perlu diganti, malu pada orang awam, profil berita tinggi, tindakan pihak ketiga, kerosakan jangka panjang kepada imej awam	Peringkat hilang arah, malu pada orang awam, profil berita yang meluas, tindakan pihak ketiga / liputan media global
Kerugian Kewangan	Kos tambahan / pembiayaan / pembaziran / hasil <5% daripada dana permulaan	Kos tambahan / pembiayaan / pembaziran / hasil Antara 6 hingga 15%	Kos tambahan / pembiayaan / pembaziran / hasil Antara 16 hingga 25%	Kos tambahan / pembiayaan / pembaziran / hasil Antara 25 hingga 40%	Kos tambahan / pembiayaan / pembaziran / hasil Di atas >41%
Perundangan / Pematuhan	Penalti yang minuman Notis pelanggan / amaran yang memerlukan tindakan pentadbiran	Saman yang sederhana Dakwa badan litigasi tertakluk kepada denda yang sederhana dan penalti mungkin tertakluk kepada prosiding pengawalseliaan dan/atau perbicaraan	Jumlah penalti yang Besar Dakwa badan litigasi tertakluk kepada denda atau denda yang besar, tertakluk kepada prosiding dan/atau perbicaraan peraturan	Jumlah yang besar, mungkin termasuk caj jenayah Berpotensi sebagai badan pengawasaan yang penting, penyiasatan tertakluk kepada denda dan penalti yang besar, yang mungkin termasuk beberapa tuduhan jenayah, tertakluk kepada prosiding pengawasaan dan/atau pemeriksaan	Pengawasan dan siasatan utama Sebagai pengawasaan utama, penyelidikan tertakluk kepada denda dan penalti yang besar termasuk, tuduhan jenayah dan/atau perintah berhenti dan tindakan pengawasaan yang perlu dilaksanakan

PENARAFAN RISIKO - IMPAK (2)

FAKTOR	AKIBAT				
	TIDAK BERKESAN	KECIL	SEDERHANA	BESAR	MEMUSNAHKAN
CONTOH PENGUKURAN RISIKO					
Pemegang taruh – Pelanggan	Kos pengaduan dan pemulihan pelanggan yang minuman	Kurangnya hubungan pelanggan dan kos pemulihan	Kehilangan atau penurunan hubungan pelanggan dan kos pemulihan yang sederhana	Hubungan pelanggan utama yang teguh dan kos pemulihan yang ketara dan ancaman kepada pertumbuhan masa hadapan	Kehilangan hubungan pelanggan utama dan ancaman serius kepada pertumbuhan masa hadapan
Pemegang taruh – Pekerja	Kesan yang tidak ketara terhadap keupayaan Jabatan untuk melantik dan megekalkan pekerja	Sesetengah memberi kesan terhadap keupayaan Jabatan untuk melantik dan megekalkan pekerja	Impak yang ketara ke atas kemampuan Jabatan untuk melantik dan megekalkan pekerja produktif teratas	Impak utama kepada keupayaan Jabatan untuk melantik pekerja terbaik	Impak yang berterusan ke atas keupayaan Jabatan untuk melantik dan megekalkan prestasi terbaik
Akibat Risiko / Usaha Pihak Pengurusan	- Kesan yang tidak dapat dielakkan - Impak boleh diserap dengan mudah melalui aktiviti biasa PANDANGAN STRATEGIK: KESAN NORMAL BERKAITAN DENGAN PERANCANGAN & OPERASI PROGRAM	- Kesukaran pentadbiran - Satu peristiwa buruk yang boleh diserap dengan beberapa usaha pengurusan PANDANGAN STRATEGIK: TEMPOH MENDAPAT MANDAT INSTITUSI	Satu peristiwa serius yang memerlukan usaha pengurusan tambahan PANDANGAN STRATEGIK: KELEWATAN DALAM PROGRAM PENYEDIAAN OBJEKTIF PROJEK	Bentuk semula program atau projek, kelulusan semula dan keperluan semula diperlukan. Rangka kerja asas sebelum objektif dapat dipenuhi. Satu peristiwa penting yang memerlukan usaha pengurusan yang luar biasa PANDANGAN STRATEGIK: RANCANGAN STRATEGIK MEMERLUKAN PERUBAHAN BESAR, KELULUSAN PROGRAM KERJA-SEMULA	- Projek atau program tidak boleh ditarik balik; objektif tidak dipenuhi - Bencana berpotensi untuk membawa kepada runtuh PANDANGAN STRATEGIK: MANDAT ORGANISASI ATAU ORGANISASI MENCAPAI TAHAP SELESA

8.2 JADUAL PARAMETER KEBARANGKALIAN

PENARAFAN RISIKO – PARAMETER KEBARANGKALIAN

Kebarangkalian	Kuantitatif	Status sebenar kes skim	Kerumitan
Hampir pasti Berlaku (HPB)	Peristiwa dijangkakan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya kemungkinan berlaku lebih 95% dalam tempoh 12 bulan akan datang	Insiden telah dilaporkan dan sedang disiasat	Sangat mudah untuk dilakukan tanpa kawalan
Kemungkinan Berlaku (KB)	Peristiwa dijangkakan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya berlaku di atas di antara 50% dan 94% dalam tempoh 12 bulan akan datang	Kejadian sedang dalam proses untuk di kenal pasti	Mudah untuk dilakukan tanpa kawalan
Sederhana (S)	Peristiwa dijangkakan berlaku dalam beberapa keadaan, contoh berlaku di antara 25% dan 49% dalam tempoh 12 bulan akan datang	Kejadian sedang dalam proses untuk kenal pasti	Sederhana kompleks untuk dilakukan tanpa kawalan
Kemungkinan Berlaku Kecil (KBK)	Peristiwa boleh berlaku kecil dalam beberapa keadaan, contoh antara 5% dan 24% dalam tempoh 12 bulan akan datang	Punca penyebab kejadian sedang dalam proses untuk diperbaiki	Sukar untuk dilakukan walaupun tanpa kawalan
Jarang (J)	Peristiwa mungkin dalam kebarangkalian yang rendah dan hanya dala keadaan luar biasa, contoh di bawah 5% berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang	Penyebab punca insiden telah diperbaiki (mengurangkan kemungkinan kejadian untuk ulang)	Sangat sukar untuk dilakukan walaupun tanpa kawalan

8.3 JADUAL MATRIK TAHAP RISIKO

KEBERANGKALIAN BERLAKU	Hampir Pasti Berlaku	Signifikan	Signifikan	Tinggi	Tinggi	Tinggi
	Kemungkinan Berlaku	Sederhana	Signifikan	Signifikan	Tinggi	Tinggi
	Sederhana	Rendah	Sederhana	Signifikan	Tinggi	Tinggi
	Kemungkinan Berlaku Kecil	Rendah	Rendah	Sederhana	Signifikan	Tinggi
	Jarang	Rendah	Rendah	Sederhana	Signifikan	Signifikan
		Tidak Berkesan	Kecil	Sederhana	Besar	Kemusnahan
IMPAK MAGNITUD						

8.4 TERM RUJUKAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH





PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN KLANG

9.1 TAHAP RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN KLANG


9.1.1 RINGKASAN TAHAP RISIKO RASUAH

BIL	ISU KEUTAMAAN	TAHAP RISIKO		
		TINGGI	SIGNIFIKAN	RENDAH
1.	Penguatkuasaan	3	5	0
2.	Pelesenan	1	2	0
3.	Perolehan	3	9	0
4.	Pengurusan / Pentadbiran	0	28	0
5.	Undang-Undang	1	3	0
	JUMLAH	8	47	0

9.1.2 RINGKASAN TAHAP RISIKO RASUAH MENGIKUT ISU KEUTAMAAN JABATAN

ISU KEUTAMAAN		JUMLAH RISIKO	PERATUS
1	PENGUATKUASAAN	8	14.55%
2	PELESENAN	3	5.45%
3	PEROLEHAN	12	21.82%
4	PENGURUSAN / PENTADBIRAN	28	50.91%
5	UNDANG-UNDANG	4	7.27%
JUMLAH KESELURUHAN		55	100.00%

ISU KEUTAMAAN JABATAN



9.2 INVENTORI RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL.	ISU KEUTAMAAN	RISIKO	Kawalan Sedia Ada			Kawalan Tambahan		
			Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Baki)	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Sasaran)
1.	ISU PENGUATKUASAAN	1. Menerima / diberi suapan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan.	Major	Almost Certain	High	Major	Moderate	High
		2. Menerima / diberi suapan daripada kontraktor untuk tidak menutup arahan notis kerja-kerja di lapangan.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		3. Menerima / diberi suapan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dikenakan atau pengurangan pampasan / ganti rugi.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		4. Menerima / diberi suapan untuk tidak mengeluarkan kompaun ketika pemeriksaan / siasatan dibuat.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		5. Menerima / diberi suapan untuk tidak mengambil tindakan kompaun di atas kesalahan kontraktor yang menjalankan kerja tidak mengikut spesifikasi.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		6. Menerima / diberi suapan untuk tidak mengambil tindakan kepada pemilik haiwan (anjing) yang tidak mempunyai lesen.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		7. Menerima / diberi suapan untuk tidak mengeluarkan kompaun ke atas kesalahan yang dilakukan semasa pemeriksaan tempat berpotensi pembiakan nyamuk di tapak pembinaan atau kilang-kilang.	Major	Almost Certain	High	Major	Moderate	High
		8. Menerima / diberi suapan daripada pemilik rumah / pemaju untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan yang dilakukan di tapak binaan.	Major	Almost Certain	High	Major	Moderate	High

BIL.	ISU KEUTAMAAN	RISIKO	Kawalan Sedia Ada			Kawalan Tambahan		
			Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Baki)	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Sasaran)
2.	ISU PELESENAN	1. Menerima / diberi suapan untuk mempercepatkan kelulusan permohonan lesen dan permit.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		2. Menerima / diberi suapan untuk meluluskan permohonan lesen dan permit yang tidak memenuhi syarat dan tidak lengkap.	Major	Almost Certain	High	Major	Likely	High
		3. Menerima / diberi suapan untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen yang tidak lengkap syarat bagi Lesen Program Pemutihan (Industri).	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
3.	ISU PEROLEHAN	1. Menerima / diberi suapan untuk memilih kontraktor / pembekal bagi melaksanakan sesuatu kerja secara rundingan terus.	Major	Almost Certain	High	Major	Likely	High
		2. Menerima / diberi suapan untuk memberikan projek kepada kontraktor / pembekal.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		3. Pakatan rasuah di antara pembekal / penyebutharga / petender dan pegawai yang menguruskan perolehan.	Major	Almost Certain	High	Major	Moderate	High
		4. Menerima / diberi suapan untuk memilih pembekal peralatan logistik.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		5. Menerima / diberi suapan untuk mempercepatkan proses pemberian kelulusan tender / sebutharga dengan melanggar prosedur dan dasar Majlis.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		6. Pakatan rasuah diantara pegawai dan kontraktor untuk menawarkan kerja dengan memberi harga yang telah dipersetujui bersama.	Major	Almost Certain	High	Major	Likely	High
		7. Pakatan rasuah di antara pegawai / kontraktor / pembekal untuk memudahkan proses kelulusan projek agensi / Majlis.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		8. Menerima / diberi suapan bagi membolehkan pembekal / kontraktor sentiasa berjaya dalam perolehan Majlis.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		9. Pakatan rasuah dalam memalsukan dokumen bagi membolehkan pembekal/ kontraktor berjaya dalam penilaian perolehan.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant

BIL.	ISU KEUTAMAAN	RISIKO	Kawalan Sedia Ada			Kawalan Tambahan		
			Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Baki)	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Sasaran)
		10. Menerima / diberi suapan bagi mendapatkan / membocorkan maklumat kontraktor yang berjaya sebelum keputusan rasmi dikeluarkan.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		11. Menerima / diberi suapan bagi membocorkan maklumat harga anggaran jabatan untuk memasuki perolehan / kerja.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		12. Pakatan rasuah di antara kontraktor / pembekal / juru perunding dan kakitangan majlis dalam mengemukakan dokumen / laporan untuk mendapatkan bayaran penuh ke atas projek / perkhidmatan / bekalan yang telah disiapkan atau tidak disiapkan sepenuhnya.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
4.	ISU PENTADBIRAN & PENGURUSAN	1. Menerima / diberi suapan untuk menukar barang sitaan dan mengubah rekod inventori penyitaan.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		2. Menerima / diberi suapan untuk meluluskan sesuatu permohonan atau kebenaran yang tidak mematuhi dasar Majlis.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		3. Pakatan rasuah untuk bersubahat dalam mengemukakan laporan / dokumen tuntutan palsu.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		4. Menerima / diberi suapan daripada perunding untuk menjadi perunding latihan / perkhidmatan.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		5. Menerima / diberi suapan daripada orang awam untuk mendapatkan keutamaan bagi tempahan dewan.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		6. Calon temuduga merasuah panel temuduga bagi mendapat jawatan yang dimohon.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		7. Menerima / diberi suapan bagi mempercepatkan proses sifus.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		8. Menerima / diberi suapan untuk mempercepatkan dan meluluskan permohonan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa OSC.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		9. Menerima / diberi suapan supaya pegawai / agensi teknikal mengeluarkan segera ulasan teknikal / sokongan.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant

BIL.	ISU KEUTAMAAN	RISIKO	Kawalan Sedia Ada			Kawalan Tambahan		
			Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Baki)	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Sasaran)
		10. Menerima / diberi suapan dalam proses peruntukan tapak gerai Majlis.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		11. Menerima / diberi suapan bagi pembekalan barang diterima walaupun berkurangan / tidak mengikut spesifikasi.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		12. Mengemukakan tuntutan palsu dengan memalsukan inventori kawasan bagi meningkatkan jumlah bayaran.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		13. Menerima / diberi suapan bagi memberi perkhidmatan tong roro kepada orang awam tanpa bayaran.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		14. Menerima / diberi suapan bagi mempercepatkan kerja-kerja yang telah ditetapkan / diarahkan.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		15. Mengemukakan dokumen dan tuntutan palsu bagi tuntutan kerja lebih masa dan tuntutan perjalanan.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		16. Menerima / diberi suapan bagi membuat pembayaran pembersihan dengan kadar yang penuh tanpa sebarang pemotongan.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		17. Menerima / diberi suapan bagi menukarkan nama pemilik gerai tanpa kelulusan.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		18. Menerima / diberi suapan bagi memberi penarafan gred A kepada premis makanan sedangkan keadaan premis tidak layak diberi penarafan gred tersebut.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		19. Menerima / diberi suapan untuk mengeluarkan anjing yang telah ditangkap daripada Pusat Kurungan.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		20. Menerima / diberi suapan untuk mempercepatkan proses / kelulusan dan pengesahan pelan.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		21. Menerima / diberi suapan bagi menyegerakan surat-menyurat dalam proses kelulusan.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		22. Pakatan rasuah dalam membuat pindaan atau menutup sesuatu laporan yang dikemukakan.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant

BIL.	ISU KEUTAMAAN	RISIKO	Kawalan Sedia Ada			Kawalan Tambahan		
			Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Baki)	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Sasaran)
		23. Menerima / diberi suapan untuk memalsukan maklumat dan laporan syor pemberian kelulusan bagi tujuan mendapat kelulusan Permit Bangunan Sementara.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		24. Menerima / diberi suapan untuk memalsukan laporan untuk syor pemberian Sijil Layak Menduduki (CCC).	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		25. Menerima / diberi suapan bagi mempercepatkan sesuatu proses permohonan atau sesuatu tindakan yang dikemukakan di Jabatan Bangunan.	Major	Moderate	High	Major	Moderate	High
		26. Diberi suapan dalam bentuk penajaan untuk program yang dianjurkan oleh pihak Majlis dengan mendapatkan pulangan dari Majlis dalam bentuk kelulusan projek / perkhidmatan.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		27. Diberi suapan dalam bentuk hadiah dengan niat untuk mendapat projek bekalan barangan melalui lantikan terus, sebutharga atau tender.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		28. Menerima / diberi suapan kepada pegawai di kaunter supaya menerima permohonan dan mempercepatkan urusan permohonan perkhidmatan Majlis.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
5.	ISU UNDANG-UNDANG	1. Menerima / diberi suapan bagi mempercepatkan dan memanipulasi syarat-syarat perjanjian pengurusan kontrak.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant
		2. Menerima / diberi suapan untuk membatalkan tindakan sitaan bagi kes tunggakan cukai.	Major	Almost Certain	High	Major	Moderate	High
		3. Menerima / diberi suapan untuk memberi pengurangan denda / kompaun yang dikenakan.	Major	Likely	High	Major	Unlikely	Significant
		4. Pakatan rasuah untuk tidak meneruskan kes pendakwaan.	Major	Moderate	High	Major	Unlikely	Significant

9.3 PELAN TINDAKAN RISIKO RASUAH

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PENGUATKUASAAN							
1	Menerima / diberi suapan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan.	1) Tidak mematuhi SOP operasi yang ditetapkan. 2) Pegawai tidak berintegriti dalam menjalankan tugas penguatkuasaan. 3) Dipengaruhi rakan sepejabat. 4) Telah menjadi amalan dan budaya kerja. 5) Pemaju terdesak memulakan / menyiapkan projek dengan segera. 6) Kerelaan syarikat untuk menawarkan sesuatu imbuhan. 7) Mempunyai kepentingan.	1) Premis perniagaan tidak mengikut syarat lesen yang ditetapkan. 2) Kepercayaan masyarakat berkurangan. 3) Berlaku pemilik premis menyewa gerai / kedai kepada warga asing 4) Berlaku jualan rokok seludup / arak dikalangan para pokedai. 5) Sambungan struktur binaan haram tanpa kebenaran 6) Berlaku aktiviti perniagaan hiburan tanpa lesen / melebihi had masa. 7) Berlaku aktiviti pelacuran dan pemerdagangan manusia di sekitar kawasan pusat bandar. 8) Berlaku masalah kenderaan terbiar / kenderaan berat yang diletakkan di tepi-tepi laluan awam menyebabkan halangan tanpa tindakan penguatkuasaan. 9) Terdapat aktiviti jualan penjaja / premis tanpa lesen.	1) Penyediaan SOP tindakan operasi penguatkuasaan. 2) Memperbaiki proses kerja dari semasa ke semasa. 3) Membuat permohonan penambahan pembelian kamera badan badan. 4) Tambahbaik pada borang semakan permohonan. 5) Kawal selia pegawai dan kakitangan 6) Tindakan tatatertib kepada kakitangan yang terlibat 7) Menambahkan kekuatan anggota semasa operasi dilapangan 8) Semua agensi terlibat dalam menguatkuasakan operasi secara bersepadu 9) Melaksanakan proses pemeriksaan integriti (integrity vetting) di kalangan pegawai baru dan pegawai yang dipindahkan. 10) Melaksanakan pusingan kerja.	1, 2 1, 2 5, 6 1, 2 5, 6 5, 6 5, 6 5, 6 3, 5, 6 5, 6	- Jabatan Penguatkuasaan - Jabatan Pelesenan - Jabatan Pengurusan Pasar & Penjaja - Jabatan Perancang Bandar & Desa - Jabatan Bangunan - Jabatan Perkhidmatan Persekitaran - Jabatan Taman & Rekreasi - Jabatan Teknologi Maklumat - Unit Penyampaian Perkhidmatan	Januari 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PENGUATKUASAAN							
2	Menerima / diberi suapan daripada kontraktor untuk tidak menutup arahan notis kerja-kerja di lapangan.	1) Mempunyai kepentingan 2) Tidak mematuhi SOP operasi yang ditetapkan. 3) Pegawai tidak berintegriti dalam menjalankan tugas penguatkuasaan. 4) Dipengaruhi rakan sepejabat. 5) Telah menjadi amalan dan budaya kerja. 6) Pemaju terdesak memulakan / menyiapkan projek dengan segera.	1) Kerja-kerja tanah berisiko boleh mendatangkan bencana tanah runtuh, bangunan runtuh 2) Berlaku kekotoran laluan awam di hadapan tapak pelupusan haram 3) Kepercayaan masyarakat berkurangan. 4) Mencemarkan imej majlis.	1) Menambahkan kekuatan anggota semasa operasi dilapangan. 2) Memperbaiki proses kerja dari semasa ke semasa. 3) Kawal selia pegawai dan kakitangan 4) Melaksanakan proses pemeriksaan integriti (integrity vetting) di kalangan pegawai baru dan pegawai yang dipindahkan.	5, 6 1, 2 5, 6 3, 5, 6	• Jabatan Penguatkuasaan • Jabatan Teknologi Maklumat • Unit Penyampaian Perkhidmatan	Januari 2021
3	Menerima / diberi suapan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dikenakan atau pengurangan pampasan / gantirugi.	1) Tidak mematuhi SOP operasi yang ditetapkan. 2) Pegawai tidak berintegriti dalam menjalankan Tugas penguatkuasaan. 3) Mempunyai kepentingan. 4) Penambahan pendapatan.	1) Mewujudkan masalah perbandaran. 2) Mencemarkan imej majlis. 3) Mewujudkan kurang kepercayaan masyarakat terhadap PBT.	1) Penyediaan SOP tindakan penguatkuasaan. 2) Menambahbaik proses kerja dari semasa ke semasa. 3) Semua agensi yang terlibat dalam menguatkuasaan operasi secara bersepadu dan secara berjadual. 4) Menyediakan program pembangunan modal insan yang lebih holistik.	2, 5, 6 2, 5, 6 5, 6 3, 6	• Jabatan Penguatkuasaan • Jabatan Pelesenan • Jabatan Pengurusan Pasar & Penjaja • Jabatan Perancang Bandar & Desa • Jabatan Bangunan • Jabatan Perkhidmatan Persekitaran • Jabatan Taman & Rekreasi • Jabatan Khidmat Pengurusan • Unit Penyampaian Perkhidmatan	Januari 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PENGUATKUASAAN							
4	Menerima / diberi suapan untuk tidak mengeluarkan kompaun ketika pemeriksaan / Siasatan dibuat.	1) Pegawai kurang integriti. 2) Mempunyai kepentingan. 3) Amalan dan budaya kerja. 4) Tidak faham SOP. 5) Dipenagaruhi rakan sejawat. 6) Kekurangan pegawai di bahagian ini. 7) Kekurangan kawalan melalui sistem pengesanan kenderaan dan kakitangan.	1) Imej majlis tercemar kerana kakitangan majlis tidak menjalankan tugas sebaiknya. 2) Hilang kepercayaan / tohmahan masyarakat. 3) Majlis mengalami kerugian dan kekurangan hasil.	1) Memperbaiki proses kerja dari semasa ke semasa 2) Operasi bersepadu dibuat secara berjadual. 3) Penggunaan teknologi yang bersesuaian – <i>drone</i>. 4) Melengkapkan logistik dan peralatan teknikal. 5) Lawatan berkala dapat mengurangkan kesalahan dibuat di tapak dengan meningkatkan jumlah kakitangan. 6) Melaksanakan proses pemeriksaan integriti (integrity vetting) di kalangan pegawai baru dan pegawai yang dipindahkan. 7) Melaksanakan pusingan kerja. 8) Meningkatkan kursus kemahiran dan latihan yang lebih komprehensif.	1, 2 2, 5 5, 6 5, 6 5, 6 3, 5, 6 5, 6 3, 5	• Jabatan Penguatkuasaan • Jabatan Pelesenan • Jabatan Pengurusan Pasar & Penjaja • Jabatan Perancang Bandar & Desa • Jabatan Bangunan • Jabatan Perkhidmatan Persekitaran • Jabatan Taman & Rekreasi • Jabatan Teknologi Maklumat • Jabatan Khidmat Pengurusan	Januari 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PENGUATKUASAAN							
5	Menerima / diberi suapan untuk tidak mengambil tindakan kompaun di atas kesalahan kontraktor yang menjalankan kerja tidak mengikut spesifikasi.	1) Pegawai tidak berintegriti. 2) Mempunyai kepentingan. 3) Wujud tawaran lumayan daripada kontraktor. 4) Tiada sikap tanggungjawab terhadap tugas yang dilakukan. 5) Hanya seorang pegawai sahaja bagi setiap kawasan pemantauan. 6) Tidak mengikut SOP yang telah ditetapkan.	1) Menjejaskan pendapat majlis. 2) Menjejaskan perkhidmatan majlis. 3) Meningkatkan kos penyelenggaraan. 4) Meningkatkan aduan awam. 5) Mencemarkan imej majlis. 6) Kepercayaan orang awam terjejas.	1) Semakan / tambah baik SOP. 2) Melaksanakan pertukaran kawasan pemantauan. 3) Melakukan <i>spot check</i> bagi kawasan yang kurang NTP. 4) Melaksanakan kursus asas integriti terhadap semua pegawai. 5) Melaksanakan pusingan kerja. 6) Tindakan tatatertib / surcaj.	1, 2 5, 6 5, 6 3, 5, 6 5, 6 5, 6	- Jabatan Penguatkuasaan - Jabatan Pelesenan - Jabatan Pengurusan Pasar & Penjaja - Jabatan Perancang Bandar & Desa - Jabatan Bangunan - Jabatan Perkhidmatan Persekitaran - Jabatan Taman & Rekreasi - Jabatan Teknologi Maklumat - Unit Penyampaian Perkhidmatan - Unit Integriti	Januari 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PENGUATKUASAAN							
6	Menerima / diberi suapan untuk tidak mengambil tindakan kepada pemilik haiwan (anjing) yang tidak mempunyai lesen.	1) Ketidakpatuhan kakitangan terhadap SOP yang sedia ada. 2) Salahguna kuasa kedudukan sebagai orang berkepentingan. 3) Tidak mempunyai sifat integriti dalam diri. 4) Dipengaruhi Rakan sejawat. 5) Amalan dan budaya kerja.	1) Imej majlis akan tercemar. 2) Kesalahan akan berulang-ulang. 3) Berlakunya kesalahan menerima rasuah diperingkat bawahan. 4) Menjejaskan kredibiliti dan integriti sebagai penjawat awam. 5) Perlaksanaan tugas tidak berkesan. 6) Peningkatan aduan awam. 7) Kepercayaan orang awam akan terjejas.	1) Memberikan taklimat berkenaan SOP kepada pegawai yang terlibat. 2) Semakan dan tambahbaik manual kerja / SOP yang berkaitan. 3) Menerapkan nilai integriti kepada setiap kakitangan majlis. 4) Setiap operasi di lapangan perlu ada pegawai yang berkapasiti yang boleh memantau di tapak dan membuat keputusan. 5) Memberi amaran atau tindakan tatatertib kepada pegawai yang terlibat. 6) Membuat pertukaran kakitangan secara berkala. 7) Membuat aktiviti penandaan pada haiwan.	2, 5, 6 2, 5, 6 3, 6 2, 5, 6 5, 6 5, 6 2, 6	• Jabatan Khidmat Pengurusan • Jabatan Kesihatan • Unit Penyampaian Perkhidmatan • Unit Integriti	Februari 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PENGUATKUASAAN							
7	Menerima / diberi suapan untuk tidak mengeluarkan kompaun ke atas kesalahan yang dilakukan semasa pemeriksaan tempat berpotensi pembiakan nyamuk di tapak pembinaan atau Kilang-kilang.	1) Ketidakpatuhan kakitangan terhadap SOP yang sedia ada. 2) Salahguna kuasa kedudukan sebagai orang berkepentingan. 3) Tidak mempunyai sifat integriti dalam diri 4) Dipengaruhi rakan sejawat. 5) Amalan dan budaya kerja.	1) Imej Jabatan akan tercemar. 2) Kesalahan akan berulang-ulang. 3) Berlakunya kesalahan menerima rasuah diperingkat bawahan. 4) Menjejaskan kredibiliti dan integriti sebagai penjawat awam. 5) Pelaksanaan tugas tidak berkesan.	1) Memberikan taklimat berkenaan sop kepada pegawai yang terlibat. 2) Semakan dan tambahbaik manual kerja / SOP yang berkaitan. 3) Menerapkan nilai integriti kepada setiap kakitangan majlis. 4) Setiap operasi di lapangan perlu ada pegawai yang berkapasiti yang boleh memantau di tapak dan membuat keputusan. 5) Memberi amaran atau tindakan tatatertib kepada pegawai yang terlibat. 6) Membuat pertukaran kakitangan secara berkala.	2, 5, 6 2, 5, 6 3, 6 2, 5, 6 5, 6 5, 6	• Jabatan Kesihatan • Unit Penyampaian Perkhidmatan • Unit Integriti	Februari 2021
8	Menerima / diberi suapan daripada pemilik rumah / pemaju untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan yang dilakukan di tapak binaan.	1) Pegawai penyiasat / penghantar notis melakukan kerja penguatkuasaan secara sendiri dan ditapak tanpa saksi. 2) Terdapat pendua notis / kompoun yang tidak dikembalikan untuk tindakan susulan 3) Kurang pemantauan terhadap kakitangan dalaman bagi pemulangan notis.	1) Tidak mematuhi peruntukan undang-undang atau akta yang berkaitan. 2) Tindakan penguatkuasaan berkaitan kesalahan tidak dapat diteruskan. 3) Aduan awam berkaitan bangunan akan meningkat. 4) Persepsi <i>negative</i> orang awam terhadap majlis.	1) Kerja-kerja penguatkuasaan di tapak binaan seperti serahan notis / kompaun memerlukan saksi. 2) Serahan notis secara pos berdaftar kepada pemilik / pemaju. 3) Rekod serahan notis akan dipantau melalui sistem kdms 4) Surat akujanji semua pegawai / kakitangan untuk tidak terima rasuah. 5) Taklimat berkaitan salahlaku.	2, 5, 6 2, 5, 6 2, 5, 6 5, 6 3,5	• Jabatan Bangunan • Jabatan Perancang Bandar & Desa • Jabatan Kejuruteraan • Jabatan Teknologi Maklumat • Unit Penyampaian Perkhidmatan • Unit Integriti	Januari 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PELESENAN							
1	Menerima / Diberi Suapan Untuk Mempercepatkan Kelulusan Permohonan Lesen dan Permit.	1) Pegawai Kurang Berintegriti 2) Tidak Mematuhi SOP Yang Telah Ditetapkan. 3) Mempunyai Kepentingan 4) Kurang Pemantauan Dari Pagawai Atasan. 5) Tidak Mematuhi Proses Kerja Yang Disediakan. 6) Sistem Sedia Ada Tidak Dapat Memenuhi Keperluan Sepenuhnya Secara <i>Online</i> Bagi Perkara Melibatkan Pengeluaran Lesen Secara Kendiri. 7) Memerlukan Ulasan Sokongan Dari Jabatan Dalam dan Luar Yang Memerlukan Tempoh Masa Yang Lama. 8) Kekurangan Sumber Manusia.	1) Kemampuan Majlis Dipertikaikan Kerana Proses Yang Lama . 2) Ramai Peniaga Menjalankan Aktiviti Perniagaan Dan Industri Tanpa Lesen. 3) Imej Majlis Terjejas.	1) Mendapatkan Kelulusan Pentadbiran untuk Memendekkan Tempoh Kelulusan Lesen / Permit. 2) Menambah Kakitangan Untuk Lawat Periksa Tapak. 3) Menyediakan Sistem Lesen Yang Lengkap dan Dapat Dikendalikan Oleh Orang Awam Sendiri Secara <i>Online</i>.	1, 2, 5, 6 5, 6 2, 5, 6	• Jabatan Pelesenan • Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja • Jabatan Khidmat Pengurusan • Jabatan Teknologi Maklumat	September 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PELESENAN							
2	Menerima / Diberi Suapan Untuk Meluluskan Permohonan Lesen dan Permit Yang Tidak Memenuhi Syarat dan Tidak Lengkap.	1) Syarat-Syarat Yang Dikenakan Melibatkan Kerperluan Pelbagai Jabatan Dalam dan Luar . 2) Terdapat Syarat Yang Memerlukan Masa Yang Lama Untuk Dipatuhi Terutama Yang Melibatkan Struktur Tanpa Kelulusan. 3) Pegawai Kurang Integriti. 4) Terdapatnya Ruang dan Peluang Yang Besar Dengan Kuasa Pegawai . 5) Kekurangan Sumber Manusia. 6) Banyak Syarat-Syarat Pematuhan Dikeluarkan Sebelum Lesen Dikeluarkan. 7) Tidak Dapat Menyediakan Dokumen Yang Diperlukan Mengikut Senarai Semak. 8) Tawaran Lumayan Dari Orang Awam 9) Percanggahan Kepentingan	1) Imej Majlis Tercemar Kerana Meluluskan Permohonan Lesen Tidak Mengikut Kriteria Yang Ditetapkan. 2) Hilang Kepercayaan / Tohmahan Masyarakat. 3) Menjejaskan Persekitaran dan Keperluan Orang Awam.	1) Menyediakan Garis Panduan dan SOP Yang Komprehensif. 2) Menyediakan Sistem Lesen Yang Komprehensif. 3) Menambah Kakitangan Untuk Lawat Periksa Tapak. 4) Penambahbaikan SOP Dengan Penambahan Semakan / Pengesahan Pegawai Penyelia Sebelum Dokumen Diterima. 5) Tindakan Susulan Bersama Jabatan Lain Yang Berkaitan. Contohnya Jabatan Bangunan. 6) Permohonan Dibuat Secara 'Online'	1, 2 5, 6 5, 6 1, 2, 5, 6 1, 2, 5, 6 5, 6	• Jabatan Pelesenan • Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja • Jabatan Teknologi Maklumat • Unit Penyampaian Perkhidmatan	September 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PELESENAN							
3	Menerima / diberi suapan untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen yang tidak lengkap syarat bagi lesen program pemutihan (industri).	1) Pemohon perlu melengkapkan dokumen mengikut senarai semak yang disediakan sebelum permohonan diterima. 2) Pemohon perlu berurusan dengan jabatan lain sebelum melengkapkan senarai semak.	1) Imej majlis tercemar kerana meluluskan permohonan yang tidak lengkap. 2) Mengemaskini syarat-syarat yang diperlukan dimana surat pengesahan dihantar terus ke jabatan. 3) Hilang kepercayaan / tohmahan masyarakat.	1) Kakitangan perlu lebih tegas semasa menerima dokumen permohonan di kaunter. 2) Mesyuarat atau perbincangan diadakan selepas menerima permohonan mengenai dokumen yang diperlukan. 3) Menyediakan senarai semak yang sistematik melalui pembangunan sistem (alert sistem). 4) Melaksanakan pemantauan secara <i>ad-hoc</i> dan mengejut oleh pegawai dari bahagian lain (mystery shopping).	5, 6 5, 6 2, 5, 6 5, 6	• Jabatan Pelesenan • Jabatan Teknologi Maklumat • Unit Penyampaian Perkhidmatan	September 2021
ISU PEROLEHAN							
1	Menerima / diberi suapan untuk memilih kontraktor / pembekal bagi melaksanakan sesuatu kerja secara rundingan terus.	1) Kurang integriti kakitangan / pegawai. 2) Tidak mematuhi SOP / proses kerja yang telah ditetapkan. 3) Kepentingan peribadi melebihi kepentingan awam. 4) Mempunyai kepetingan terhadap syarikat kontraktor / pembekal. 5) Sumber pendapatan tambahan.	1) Kerja yang dilaksanakan tidak mencapai kualiti standard implikasi kepada faktor keselamatan. 2) Tidak menyelesaikan masalah. 3) Peningkatan kos dan kewangan sekiranya harga yang ditawarkan tidak munasabah. 4) Mencemarkan imej 5) Mewujudkan kurang kepercayaan masyarakat terhadap PBT.	1) Setiap lantikan dan kemajuan kerja hendaklah di bentangkan dan dilaporkan di dalam mesyuarat jawatankuasa berkaitan. 2) Menyediakan program pembangunan modal insan yang lebih holistik. 3) Mewujudkan pendaftaran kontraktor dan lantikan secara pengiliran 4) Mengemaskini SOP / proses kerja lantikan kontraktor secara rundingan terus.	1, 2, 5 3, 5, 6 5, 6 1, 2	• Jabatan Kewangan • Bahagian Ukur Bahan • Jabatan Khidmat Pengurusan • Jabatan Teknologi Maklumat • Unit Penyampaian Perkhidmatan	April 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PEROLEHAN							
2	Menerima / diberi suapan untuk memberikan projek kepada kontraktor / pembekal.	1) Kurang integriti kakitangan / pegawai 2) Tidak mematuhi SOP / proses kerja yang telah ditetapkan. 3) Kepentingan peribadi melebihi kepentingan awam. 4) Mempunyai kepentingan terhadap syarikat kontraktor / pembekal. 5) Pengamalan rasuah tidak dilaporkan. 6) Pegawai mengambil kesempatan terhadap peluang yang ada.	1) Imej / reputasi tercemar. 2) Kualiti pembekalan rendah. 3) Kerugian kewangan / ketirisan, tambahan kos. 4) Kuantiti pembekalan kurang. 5) Projek sakit / terbengkalai.	1) Mengemaskini SOP / proses kerja. 2) Menubuhkan pasukan teknikal projek sebelum projek dibenarkan bermula. 3) Melaksanakan pemantauan yang lebih kerap bagi setiap proses kerja. 4) Bengkel / kursus pemantapan integriti dikalangan kakitangan / pegawai. 5) Melaksanakan pusingan kerja.	1, 2, 5 1, 2, 5 5, 6 3, 5, 6 5,6	• Semua Jabatan Yang Terlibat Dengan Kontrak / Pembekalan. • Jabatan Khidmat Pengurusan • Unit Penyampaian Perkhidmatan	Jun 2021
3	Pakatan rasuah di antara pembekal / penyebutharga / petender dan pegawai yang menguruskan perolehan.	1) Pegawai / kakitangan kurang berintegriti. 2) Kecenderungan kepada pembekal / kontraktor tertentu. 3) Mempunyai kepentingan 4) Untuk mendapatkan tender / pembekalan 5) Banyak persaingan. 6) Keinginan pegawai untuk memiliki sesuatu yang di luar kemampuannya. 7) Penyelenggaraan cara hidup melebihi emolument. 8) Tiada tindakan susulan oleh Penyelia / Ketua Jabatan.	1) Imej majlis terjejas. 2) Kerugian wang awam (penambahan kos projek). 3) Kepercayaan masyarakat berkurangan. 4) Kualiti pembekalan tidak menepati spesifikasi. 5) Prestasi pembekal tidak mengikut waktu yang ditetapkan. 6) Tidak memenuhi spesifikasi dan tidak mematuhi garis masa yang ditetapkan.	1) Menambahbaik SOP berdasarkan peraturan semasa. 2) Melaksanakan pusingan kerja. 3) Mengambil tindakan tegas ke atas penyeliaan / Pegawai yang tidak menyemak dengan teliti proses perolehan / kerja. 4) Melaksanakan pemantauan lebih kerap bagi setiap proses kerja. 5) Memeriksa proses kerja agar sentiasa dikemaskini. 6) Mengadakan bengkel / kursus pemantapan integriti dan perolehan dikalangan kakitangan / Pegawai. 7) Tindakan tegas / tatatertib / surcaj.	1, 2, 5 5, 6 5, 6 5, 6 3, 5, 6 5, 6	• Jabatan Kejuruteraan • Bahagian Ukur Bahan • Jabatan Khidmat Pengurusan • Unit Penyampaian Perkhidmatan	Januari 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PEROLEHAN							
4	Menerima / diberi suapan untuk memilih pembekal peralatan logistik.	1) Kakitangan / pegawai kurang berintegriti. 2) Mempunyai kepentingan. 3) Penambahan pendapatan 4) Menjaga reputasi dan imej syarikat 5) Prosedur permohonan yang ketat dan sukar dipenuhi	1) Tindakan yang dibuat tidak telus dan mengikut garis panduan yang ditetapkan. 2) Menggalakkan salah laku penjawat awam. 3) Mencemarkan nama baik organisasi 4) Kualiti pembekalan tidak menepati spesifikasi.	1) Menambahbaik SOP semasa ke semasa. 2) Melaksanakan pemantauan lebih kerap bagi setiap proses kerja. 3) Kontrak secara tahunan kepada beberapa pembekal 4) Melaksanakan pusingan kerja. 5) Mengadakan bengkel / kursus pemantapan integriti dikalangan kakitangan / pegawai.	2, 5, 6 5, 6 5, 6 5, 6 3, 5, 6	• Jabatan Khidmat Pengurusan • Bahagian Ukur Bahan • Jabatan Kemasyarakatan • Unit Penyampaian Perkhidmatan	Mac 2021
5	Menerima / diberi suapan untuk mempercepatkan proses pemberian kelulusan tender / sebutharga dengan melanggar prosedur dan Dasar Majlis.	1) SOP yang kurang ketat didalam Jabatan dengan tidak mengikut tatacara yang betul. 2) Kontraktor mengambil peluang terhadap pegawai dengan mempercepatkan kelulusan / tender / sebutharga sesebuah projek pembangunan. 3) kakitangan yang tidak berintegriti. 4) Mempunyai kepentingan 5) Tiada tindakan susulan oleh Penyelia / Ketua Jabatan.	1) Imej majlis terjejas. 2) Kepercayaan masyarakat berkurangan. 3) Kualiti kerja yang kurang memuaskan dengan tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. 4) Kelewatan dalam melaksanakan kerja dan mengambil masa yang lam untuk menyiapkan projek. 5) Projek akan mengalami kerugian dengan mengambil kira kos serta masa menyiapkan projek. 6) Kawalan harga yang tidak munasabah daripada senarai harga yang diisi oleh kontraktor di dalam dokumen sebutharga / tender.	1) Kawalan kemasukkan harga tender / sebutharga yang munasabah daripada pihak kontraktor. 2) Mewujudkan pasukan teknikal bagi memantau kemasukan harga yang tidak munasabah. 3) Memeriksa proses kerja agar sentiasa dikemaskini. 4) Menjalankan proses pemberian sebutharga secara undian. 5) Melaksanakan pusingan kerja. 6) Mengadakan bengkel / kursus pemantapan integriti dan perolehan dikalangan kakitangan / pegawai. 7) Tidakan tegas / tatatertib / surcaj	1, 2, 5 5, 6 5, 6 1, 2, 5 5, 6 3, 5, 6 5, 6	• Jabatan Khidmat Pengurusan • Bahagian Ukur Bahan • Unit Integriti	Januari 2021

KOD RISIKO	AKTIVITI / RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TOR	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH TERPERINCI
ISU PEROLEHAN							
